

# Sektor automotif bakal catat jualan tertinggi 700,000 unit



## Lonjakan prestasi PERODUA, Toyota/Lexus bantu lepassi sasaran TIV 2022

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

Jumlah keseluruhan industri (TIV) dijangka melepasi sasaran 700,000 unit, berbaki bulan terakhir tahun ini dengan industri automotif tempatan bakal melabuh tirai 2022 dengan catatan angka jualan tertingginya dalam sejarah.

Bagi tempoh 11 bulan tahun ini, TIV direkodkan mencecah 642,306 unit, semakin hampir dengan unjuran setahun penuh paling cemerlang seperti diramalkan ke-

banyakan penganalisis.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Jim Lim Khai Xhiang, berkata dengan lebih 642,000 unit, jumlah jualan keseluruhan industri automotif dilihat mungkin menjangkau angka 700,000 unit, paras tertinggi sejak 2015 iaitu 666,674 unit.

"Kami menjangkakan jualan kenderaan kukuh pada Disember dan TIV 2022 mungkin mencapai sasaran 700,000 unit atau melepasi angka itu," katanya dalam nota penyelidikan.

Industri automotif tempatan sekali lagi merekodkan prestasi bulanan kukuh pada November.

Angka 64,404 unit yang dicatatkan pada November, jualan pada bulan dikaji adalah 5.6 peratus lebih tinggi disokong lonjakan jualan kenderaan PERODUA (11 peratus) dan Toyota/Lexus (13 peratus).

"TIV bulanan kekal teguh disokong pesanan tertunggak selama berbulan-bulan sejak Jun 2022 dan isu rantaian bekalan yang mereda.

"Dengan kebolehlihatan bekal lebih besar, eksekutif automotif menzahirkan keyakinan untuk menyempurnakan pesanan yang dikecualikan daripada cukai jualan sebelum akhir Mac tahun depan.

"Bagi tempoh 11 bulan 2022, PERODUA menjual 251,000 unit dan berada dalam landasan melangkaui sasaran 265,900 unit bagi setahun penuh 2022.

"Bagaimanapun, penyusutan bulan ke bulan sebanyak 12 peratus yang direkodkan PROTON memberikan kesan terhadap TIV sektor automotif apabila pengeluarannya turut mengalami penurunan 12 peratus dan kembali kepada paras biasa," tambah Khai Xhiang.

### Perlu 57,694 unit lagi

Dengan angka 642,306 unit bagi tempoh Januari hingga November 2022, industri automotif negara hanya memerlukan 57,694 unit lagi untuk mencipta rekod baharu.

Ia dilihat tidak mustahil memandang Disember adalah bulan yang sibuk untuk semua pengeluar bagi memenuhi tempahan tertunggak, di samping pelbagai kempen dan promosi akhir tahun dilaksanakan untuk menarik pembeli.

Untuk perbandingan, jualan pada Disember 2021 adalah berjumlah 65,184 unit.

Dari aspek jumlah pengeluaran industri (TPV) pula, industri automotif kembali pulih 11 peratus bulan ke bulan selepas susut 15 peratus pada Oktober.

Sebagai rumusan, TPV Oktober susut 15 peratus bulan ke bulan, dikekang pengeluaran PERODUA yang lebih rendah akibat sesi penyelenggaraan kilang.

Bagaimanapun pada November, pengeluaran kenderaan PERODUA meningkat semula dan kilangnya dilihat beroperasi menghampiri kapasiti penuh semula.

Dengan kebanyakan isu kesesakan bekalan berjaya diselesaikan,

### Info

#### TIV industri automotif 2014-2021

2021 - 508,911 unit
2020 - 529,514 unit
2019 - 604,287 unit
2018 - 598,598 unit
2017 - 576,635 unit
2016 - 580,085 unit
2015 - 666,674 unit
2014 - 666,487 unit

RHB Investment Bank meramal-kan TPV Disember kukuh.

Khai Xhiang berkata, RHB Investment Bank mengekalkan saranan 'neutral' terhadap sektor automotif berdasarkan gambaran berjaga-jaga, melainkan terdapat penghantaran kukuh pada masa terdekat.

"Kami berpandangan keimbangan terhadap kelembapan pada 2023 mungkin menjejaskan sentimen terhadap sektor ini," katanya.